



**BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN**  
 (FOOD SAFETY AND QUALITY DIVISION)  
 KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
 (MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)  
 ARAS 4, MENARA PRISMA  
 NO. 26, JALAN PERCUTIA KESIHATAN  
 PRESINT 3, 62670 PUTRAJAYA

Tel. : 603 - 8885 0797  
 Faks : 603 - 8885 0769  
 E-mail : fsq@moh.gov.my  
<http://fsq.moh.gov.my>



Ruj Kami: KKM.600-19/8/75 (1)  
 Tarikh : 15 Disember 2017

**Bio Synergy Laboratories Sdn Bhd**  
 (No. SMM : 822)  
 No. 24, Jalan Kelisa Emas  
 13700 Seberang Jaya  
 Pulau Pinang

Tuan,

**PERTUKARAN NAMA SYARIKAT DAN PERLANJUTAN BAGI PENGIKTIRAFAN  
 MAKMAL SWASTA OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI  
 TUJUAN ANALISIS MAKANAN UNTUK PENGELUARAN SIJIL KESIHATAN**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan surat tuan bertarikh **9 Oktober 2017** adalah berkaitan.

2. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian ini mewakili Kementerian Kesihatan Malaysia bersetuju dengan pertukaran nama syarikat dari DXN Holdings Bhd ke Bio Synergy Laboratories Sdn Bhd. Sehubungan itu, surat ini serta merta akan menggantikan surat bernombor rujukan: **KKM.600-19/8/23 Jld 7 (14)** bertarikh **13 Oktober 2017**. Terlepas sah laku pengiktirafan adalah sehingga **31 April 2018** seperti mana tertera pada Sijil Akreditasi ISO/IEC 17025 yang dikemukakan kepada Bahagian ini. Skop analisis yang diiktiraf oleh KKM adalah terhad kepada **jenis ujian makanan mengikut bidang pengujian berdasarkan skop akreditasi ISO/IEC 17025 yang dikeluarkan pada 3 Oktober 2017**. Sebarang penarikan baik akreditasi oleh DSM akan menyebabkan pengiktirafan ini adalah terbatal secara automatik.

3. Bagi memastikan makmal tuan terus mendapat pengiktirafan oleh KKM, pihak tuan perlu mengemukakan permohonan untuk melanjutkan pengiktirafan sebelum tamat tempoh dengan mengemukakan salinan Sijil Akreditasi ISO/IEC 17025 yang terkini. Sebarang penambahan skop akreditasi juga perlu dimaklumkan untuk mendapatkan pengiktirafan bagi jenis ujian di dalam penambahan skop akreditasi tersebut.

Untuk makluman pihak KKM akan menjalankan siri inspeksi verifikasi keupayaan analisis di makmal tuan pada bila-bila masa yang diperlukan. KKM adalah berhak menarik baik pengiktirafan ini sekiranya pihak makmal gagal mematuhi syarat atau tidak berpuas hati dengan prestasi makmal.

.../2

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008  
 NO. SLIII - AR 5643

5. Makmal juga perlu mengemukakan laporan analisis sampel yang dijalankan bagi pengeluaran Sijil Kesihatan kepada Bahagian ini setiap bulan (6) bulan. Laporan Januari-Juni perlu dikemukakan pada atau sebelum minggu kedua bulan Julai manakala laporan Julai-Disember perlu dikemukakan pada atau sebelum minggu kedua bulan Januari tahun berikutnya.

6. Senarai makmal yang masih sah laku pengiktirafan oleh KKM untuk analisis makanan bagi pengeluaran Sijil Kesihatan boleh didapati di laman sesawang <http://fsq.moh.gov.my/v5>. Sekiranya tiada permohonan dari pihak makmal untuk melanjutkan pengiktirafan, nama makmal akan dikeluarkan dari senarai dalam tempoh empat belas (14) hari selepas tempoh tamat.


7. Bahagian ini berharap agar pihak tuan sentiasa memastikan tahap kecekapan makmal yang tinggi bagi mengeluarkan keputusan analisis yang boleh dipercayai dan tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Sebagai pertanyaan lanjut, sila hubungi pegawai kami, Puan Sharifah Zati Aqmar binti Syed Mustafa di talian 03-8885 0797 sambungan 4324 atau emel ke [sharifah.zatil@moh.gov.my](mailto:sharifah.zatil@moh.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



(H.H.M. BINTI ABDUL (A. B.))

b.p Pengarah Kanan Keselamatan dan Kualiti Makanan  
Kementerian Kesihatan Malaysia